

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN : 387

PR-1422-T02013

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan statistik tindakan yang telah diambil bagi kes penularan kandungan lucah dalam media sosial pada tahun 2018 sehingga suku tahun 2019.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan Seksyen 211 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), tindakan boleh diambil terhadap pihak yang terlibat dalam pemberian kandungan berunsur lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik dengan niat untuk yang berlaku dalam laman sesawang dan laman blog di internet. Jika disabit kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali. Selain dari pendakwaan, tindakan undang-undang seperti penyekatan akses kepada laman web terlibat juga diambil. Undang-undang relevan yang lain juga akan terpakai mengikut fakta kes yang disiasat.
2. Dari tahun 2016 sehingga Mei 2019, pihak SKMM telah melaksanakan tindakan sekatan ke atas sejumlah **3,912** laman pornografi. Usaha ini akan diteruskan oleh SKMM berasaskan aduan yang diterima. Antara tahun 2018 sehingga Mei 2019, sejumlah **44** kertas siasatan telah dibuka oleh pihak SKMM berhubung kandungan lucah, dan kesemuanya telah dihadapkan ke mahkamah.
3. Kandungan berunsur lucah sememangnya menjadi kesalahan di platform media sosial seperti Facebook dan Instagram, atau di platform penstriman video seperti YouTube. Kerjasama dan koordinasi telah sedia terjalin antara pihak Kementerian melalui

SOALAN NO: 387

SKMM dengan pihak penyedia platform yang terlibat bagi isu khusus seperti ini, di mana kandungan-kandungan yang dilaporkan akan dinilai berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak mereka, seterusnya akan dipadamkan sekiranya kandungan tersebut didapati melanggar terma dan syarat, serta piawaian komuniti atau *community standards* (dengan izin) yang ditetapkan oleh pihak mereka.